

**TALKING POINT**  
**BRIG. JEN. DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA AMANAT DAN PENYERAHAN BENDERA KEPADA KONTINJEN**  
**SUKUM**  
**PADA 7 OGOS 2014**  
**DI DEWAN KULIAH, KAMPUS PAUH PUTRA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia

**Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP**

**SALUTASI**

**Yang Berbahagia Timbalan- Timbalan Naib Canselor UniMAP**

**Yang Berusaha Pegawai –Pegawai Utama Universiti**

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao, Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai), Saba' Hal 'Khair.

**KATA ALU-ALUAN**

Hadirin sekalian,

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah swt kerana dengan keizinanNya, dapat kita bersama-sama pada petang yang berbahagia ini untuk bersama-sama memberikan semangat kepada kontinjen UniMAP yang akan bertanding pada SUKUM Ke-39 nanti.

2. Pejam celik, pejam celik, sudah 11 hari kita berada di bulan Syawal, rasanya masih belum terlambat untuk saya mengucapkan Selamat Hari Raya kepada semua warga UniMAP yang saya sayangi.

Hadirin dan hadirat sekalian

### **ASIA SUMMER PROGRAM (ASP) 2014**

3. Semalam telah berlangsung Majlis Perasmian Asia Summer Program 2014 di Dewan Kuliah, Kampus UniMAP Pauh Putra. Ia telah disempurnakan Canselor UniMAP, Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail. Turut bercemar duli berangkat hadir, Pro-Canselor UniMAP, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.
4. ASP merupakan hasil cetusan idea lima buah universiti dari lima buah negara di Asia iaitu Dongseo Universiti (Korea), Josai University (Jepun), Bangkok University (Thailand) Universitas Kristen Petra (Indonesia) dan UniMAP (Malaysia). Ia merupakan acara tahunan yang dianjurkan secara giliran dan penganjuran ASP kali ini, UniMAP telah sebagai penganjur ke tiga dimana kali pertama penganjurannya adalah di Universitas Kristen Petra (Indonesia) pada tahun 2012 dan tahun lalu di Dongseo Universiti (Korea).
5. Pusat Bahasa Antarabangsa (CIL) telah dipertanggungjawabkan bagi menganjurkan ASP 2014 ini. ASP 2014 ini telah bermula dari 6 hingga acara penutup pada 23 Ogos nanti.
6. Saya difahamkan, jumlah penyertaan peserta untuk penganjuran kali ini adalah sebanyak 230 orang pelajar dari 28 buah universiti yang mewakili 12 buah negara Asia. Sepanjang tiga minggu mereka berada di sini para peserta akan didedahkan dengan pelbagai program yang mempamerkan keunikan UniMAP, Perlis dan Malaysia keseluruhannya.
7. Antara program tersebut adalah lawatan kampus, pertandingan membuat roti canai dan teh tarik, Pertandingan Permainan Tradisional, Pertunjukan

Bakat, Hari Sukan, Penggalan Gua Kelam, Kelas Woodball, Kelas Canggung, Pesta Makan buah-buahan tempatan, Program anak angkat, program amal ke rumah anak-anak yatim dan warga emas serta banyak lagi.

8. Harapan saya agar semua pihak dapat memberikan kerjasama bagi melancarkan perjalanan sepanjang ASP 2014 ini berlangsung, tunjukkanlah budi pekerti yang terbaik dan melayan semua peserta sebaik mungkin.

Hadirin dan hadirat sekalian,

### **SUKUM KALI KE-39**

Hadirin dan hadirat sekalian

9. Seperti biasa setiap tahun, kita akan menghantar kontinjen untuk bertanding pada Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM). Seperti yang telah kita sedia maklum, UniMAP telah tujuh tahun berturut-turut telah muncul sebagai juara bagi setiap penganjuran SUKUM.
10. Pada SUKUM Kali Ke-39 ini, yang akan berlangsung di Universiti Teknologi (UTM) 13 hingga 23 Ogos 2014 ini, Misi kita pada kali ini ialah untuk terus mengekalkan gelaran juara seperti edisi tahun lalu. Pada tahun ini, saya amat berharap kita mampu meraih lebih dari 10 pingat emas untuk memastikan Juara Mutlak akan menjadi milik UniMAP.
11. Saya difahamkan, pada tahun ini, UniMAP telah menghantar sebanyak 308 atlet dan pegawai untuk bertanding bagi 18 acara iaitu Badminton Campuran, Basikal (Lelaki), Bola Sepak (Senior), Bola Sepak (Veteran), Bola Tampar (Lelaki), Bola Tampar (Wanita), Boling Padang (Lelaki), Boling Padang (Wanita), Dart (Lelaki), Futsal (Lelaki), Futsal (Wanita), Hoki (Lelaki), Olahraga (Lelaki), Olahraga (Wanita), Sepak Takraw (Senior), Tenis Campuran, Tenpin Boling (Lelaki) dan Tenpin Boling (Wanita).

12. Oleh itu, marilah kita sama-sama mendoakan semoga pasukan UniMAP berjaya meraih kejayaan berganda pada tahun ini sekaligus menjadi juara SUKUM untuk 8 kali berturut-turut. Saya pasti anda semua atlit UniMAP telah bersedia mental dan fizikal untuk memikul cabaran UniMAP pada kejohanan kali ini. Berusahalah sebaik mungkin untuk mengubah warna kilauan pingat dari perak ke emas. Saya percaya, dengan usaha yang jitu dan semangat berpasukan yang tinggi, anda mampu merealisasikan impian anda dan UniMAP keseluruhannya.

### **PENUTUP**

13. Sebelum mengakhiri ucapan pada pagi ini, sukalah saya mengingatkan anda semua agar menjaga nama baik UniMAP sepanjang pertandingan dan kejohanan. Sebagai duta kecil UniMAP, adalah penting untuk anda mempamerkan perbuatan serta menggunakan tutur kata yang baik sepanjang kejohanan.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.